



Suplemen Minyak Ikan dengan Vitamin A & D

K-KIDS

Sebagai ibu bapa, anda mahu berikan yang terbaik kepada anak anda supaya mereka membesar dengan sihat dan kuat. Walaupun diet seimbang adalah cara ideal yang disarankan bagi membekalkan khasiat sesuai kepada kanak-kanak untuk tumbesaran dan perkembangan yang sihat, kadang-kala anda perlukan sedikit bantuan daripada makanan tambahan bagi memastikan anak anda menerima nutrisi yang mencukupi.

K-KIDS adalah makanan tambahan untuk kanak-kanak yang diperbuat daripada minyak ikan omega-3, minyak hati ikan kod, vitamin A dan vitamin D bagi membantu menyokong keperluan nutrisi anak anda. Ia menawarkan manfaat kesihatan potensi kepada kanak-kanak seperti:

- Bantu mendorong kesihatan keseluruhan
- Bantu menyokong tumbesaran dan perkembangan
- Bantu membina imuniti yang kuat

Apa yang terkandung dalam K-KIDS?



MAL 14055054N





Patutkah saya berikan suplemen minyak ikan kepada anak?

Suplemen minyak ikan membekalkan dua jenis asid lemak omega-3 perlu: DHA dan EPA yang biasa dijumpa dalam ikan berlemak seperti salmon dan sardin. Namun begitu, ramai kanak-kanak tidak memperoleh omega-3 yang mencukupi dari makanan yang diambil kerana punca-punca seperti diet tidak seimbang, tabiat makan tidak sihat atau kurang selera makan.

Oleh sebab kedua-dua nutrien ini tidak dapat dihasilkan dalam badan manusia dan perlu diperolehi dari sumber luaran, suplemen minyak ikan boleh dikatakan satu idea yang baik sekiranya anak anda tidak kerap makan ikan berlemak. Jadikan **K-KIDS** sebahagian daripada pemakanan harian anak anda boleh bantu memenuhi keperluan nutrisi mereka.

S

Nutrien dalam K-KIDS dan Fungsinya

Minyak Ikan Omega-3

Ia mengandungi asid lemak omega-3 khususnya DHA dan EPA yang penting bagi tumbesaran dan perkembangan kanak-kanak serta dalam mengekalkan kesihatan badan.

D

Minyak Hati Ikan Kod

Sumber baik bagi asid lemak omega-3, vitamin A dan vitamin D. Disebabkan oleh sifatnya yang menyihatkan badan dan menguatkan sistem imun, minyak hati ikan kod telah digunakan secara turun-temurun dalam membantu kanak-kanak membesar dengan sihat dan kuat.

K

Vitamin A

Perlu dalam tumbesaran serta perkembangan tisu dan daya penglihatan, ia juga bantu memelihara kesihatan kulit dan membran mukus dalam badan.

Vitamin D

Menyumbang kepada perkembangan dan pemeliharaan tulang dan gigi dengan membantu badan menyerap dan menggunakan kalsium dan fosforus dengan sebaiknya.

Dos yang dicadangkan:

Kanak-kanak 1-6 tahun : 1 kali sehari, setiap kali 1 kapsul sebelum makan

Kanak-kanak 7-12 tahun : 2 kali sehari, setiap kali 1 kapsul sebelum makan

Tidak sesuai untuk bayi (0-1 tahun)

Untuk kanak-kanak 1-6 tahun, anda boleh koyakkan kapsul softgel dan titiskan kandungan secara perlahan ke dalam mulut anak, atau campurkannya dengan makanan/ susu suam.

Perhatian:

- Hanya ambil seperti yang diarahkan. Jangan melebihi dos yang dicadangkan. Pengambilan vitamin A dan D yang berlebihan boleh memudaratkan.
- Individu yang sedang menerima rawatan perubatan atau mengalami isu kesihatan harus mendapatkan nasihat doktor sebelum guna produk ini.
- Produk ini mengandungi minyak ikan, jangan ambil jika alah terhadap ikan.



Untuk Maklumat Selanjutnya, Sila Hubungi :



Diedarkan Khusus oleh :

K-LINK International Sdn Bhd (496046-H)
(AJL 931316)

WISMA K-LINK, 45, Jalan Kuchai Maju 2,
Off Jalan Kuchai Lama, 58200 Kuala Lumpur, Malaysia.

Tel : (603) 7948 2333 Fax : (603) 7948 2338

e-mail : info@k-link.com